



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MAKLUM BALAS JTKSM KEPADA PERSOALAN DARIPADA PIHAK *MALAYSIAKINI* BERKENAAN TINDAKAN KEATAS SSN MEDICAL PRODUCT SDN. BHD.

1. Emel pihak UKK KSM pada 12 Julai 2023, jam 9.30 pagi adalah dirujuk.
2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedia maklum mengenai dakwaan pencabulan hak pekerja di SSN Medical Product Sdn. Bhd., sebuah syarikat sarung tangan getah di Malaysia. KSM memandang serius akan dakwaan ini.
3. KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah membuka **4 Kertas Siasatan** terhadap syarikat berkenaan bagi pelanggaran di bawah **Seksyen 19 Akta Kerja 1955**. Ini telah membawa **kepada 9 tawaran kompaun** dengan keseluruhan nilai tawaran berjumlah **RM13,500 (RM1,500 setiap satu tawaran kompaun)**.
4. KSM komited untuk menegakkan hak-hak pekerja di Malaysia.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
14 JULAI 2023**